

# GAYA HIDUP WANITA YANG MENJALANKAN URUSAN PEMBELIAN BAHAN MAKANAN: KAJIAN KES DI BANDARAYA KUCHING

Shazali Abu Mansor

Ernest Cyril De Run

Loh Wei Min

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Sarawak

*Pembangunan telah mengubah gaya hidup dan ciri-ciri psikografik wanita masa kini. Namun perubahan ini tidak menghalang peranan wanita dalam menjalankan urusan rumah tangga melalui pembelian barang makanan. Bagaimanakah ciri psikografik wanita masa kini mempengaruhi urusan pembelian makanan serta adakah ianya berkait dengan ciri demografik wanita. Kajian ini meneliti gaya hidup dan tingkahlaku wanita di Sarawak yang menggambarkan psikografik mereka. Pembolehubah psikografik merangkumi cara penggunaan masa, cara membuat pilihan serta keutamaan terhadap barangan, serta bagaimana persepsi wanita terhadap barangan atau perkhidmatan. Kajian ini mengenalpasti gaya hidup wanita masa kini dan dikelaskan sebagai wanita yang suka memasak, wanita yang suka makan di luar, wanita yang mementingkan kesihatan dan kecantikan, dan wanita yang berorientasikan rumah dan tradisional. Ciri psikografik ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan taraf perkahwinan, pekerjaan, umur, pendidikan, dan pendapatan.*

## PENGENALAN

Golongan wanita terdiri lebih kurang 49 peratus daripada penduduk Malaysia. Bilangan yang besar ini sudah tentunya memberi kesan kepada aktiviti ekonomi. Proses modenisasi dan urbanisasi secara langsung telah mengubah kehidupan wanita, di mana kini mereka berpendidikan, bekerja, serta mengikuti nilai budaya barat. Perubahan persekitaran mengakibatkan gaya hidup dan citarasa wanita pada masa kini menjadi semakin kompleks dan dinamik. Pada masa yang sama, pemasaran barangan dan perkhidmatan juga semakin canggih yang mesti